



SIARAN MEDIA HEBAHAN PORTAL MERDEKA360 HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA 2021

PUTRAJAYA, 21 JULAI 2021 – Menjelang Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) 2021, Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) selaku Urus Setia Jawatankuasa Media dan Publisiti HKHM 2021 telah membangunkan satu laman khas iaitu **www.merdeka360.my** sebagai portal rasmi sambutan pada tahun ini.

Portal ini berperanan sebagai *one-stop centre* kepada informasi-informasi berkaitan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2021 meliputi:

- a. Maklumat seperti Siaran Media, Teks Ucapan, Liputan Berita dan Jemputan Media;
- b. Bahan-bahan promosi seperti Logo, Tatacara Pemasangan Bendera, Kit Promo, Audio, Galeri Foto dan Video;
- c. Aktiviti sempena Sambutan HKHM 2021 yang dianjurkan oleh pihak *Government-Linked Companies (GLC)* / Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) / Syarikat Swasta ; dan
- d. Senarai program, pertandingan dan acara – acara khas HKHM 2021 yang akan berlangsung pada tahun ini.

Selain itu, JaPen turut mengadakan hebahan maklumat di media sosial melalui akaun Facebook, Instagram dan Twitter di **@merdeka360**.

Semua saluran ini merupakan platform rasmi yang bertujuan untuk menggalakkan penyertaan orang awam seterusnya bersama-sama membantu menyebarkan program-program dan acara-acara HKHM 2021.

Penganjuran program-program dan acara-acara ini juga secara tidak langsung dapat menyemarakkan serta menggelorakan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia. Sebarang maklumat lanjut, boleh melayari laman sesawang www.merdeka360.my.

**JABATAN PENERANGAN MALAYSIA
21 JULAI 2021**

###

Disediakan oleh	:	Jawatankuasa Media dan Publisiti Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2021 Aras 10, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat Jabatan Penerangan Malaysia Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4 62100 Putrajaya.
Telefon	:	03-8911 7372/7377/7366
Faks	:	03-8911 7525/7544
E-mel	:	jkmp.hkkm2021@gmail.com



SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN & HARI MALAYSIA 2021



JOM LAYARI

www.merdeka360.my



@merdeka360

- #MalaysiaPrihatin
- #HKHM2021
- #DemiNegara
- #MenangBersama
- #LindungDiriLindungSemua

